

3. Apabila pecahlah berkeping-keping sebuah gunung emas,  
Maka pada masa itu berketahuanlah siapa yang  
Berhati baik dan mana yang berhati jahat.  
Kemudian manakala dihancurkan sekali batu-batu  
Emas itu dimasukkan kedalam lesung yang ada  
Didalamnya berpuluh-puluh antan; sekonyong-  
konyongnya kelihatanlah  
Langit yang hijau itu terbentang dengan injirah  
warnanya, sunyi daripada awan; maka sejeurus  
lamanya baharulah kelihatan beberapa tompok awan  
yang putih pada sepanjang langit itu – ialah  
alamat panas keras konon! Pada ketika itu  
juga kelihatan bakat hujan daripada awan yang  
putih itu. Hairan! Pada masa itu langit pun  
tergulunglah dengan kudrat yang berkehendak, lenyap  
tiada kelihatan lagi, melainkan tatkala turun  
hujan emas baharulah disedari bahawa  
langit itupun senasib jua rupanya dengan  
gunung emas itu!

Dari misalan-misalan tersebut terasa agak bertambah-tambah  
meningkat bahasa yang digunakan oleh kebanyakan bangsa  
Melayu dalam melahirkan “teka-teki” ini. Maka dengan  
memandangkan hal-inilah, berani saya mengatakan “teka  
teki” ini jenis “ujian akal” yang ada pada bangsa  
Melayu.

Dalam zaman kita mengikut uji-an-ujian akal-modern  
yang dibawa dan diasaskan oleh al-Farid Binah dan  
Simon yang telah memulakan usahanya sejak tahun 1905  
lagi, kemudian disambung oleh Terman Barat, Kadidir,  
Kulaman dan Setirin hingga menghasilkan “hasil  
kecerdasan” itu; perlulah pula kita menilai kembali  
cara dan hasil-hasil yang sudah diciptakan oleh bangsa  
Melayu kita sendiri.

## **Kenyataan kepada anggota-anggota**

### **Ikhwan**

Pimpinan Ikhwan dari satu kesatu masa  
berharap mendapat kerjasama dari anggota  
Ikhwan. Ikhwan selalu mengadakan ceramahnya  
di Singapura dan untuk memberi peluang kepada  
saudara yang diluar Singapura maka kami  
mengusahakan supaya ceramah-ceramah itu dibukukan.

Ceramah yang pertama yang diucapkan oleh Profesor  
Abdul Qahar Muzakar telah kami siarkan.

Yang ke dua – risalah “kesedaran” telah kami  
siarkan dan telah mendapat perhatian.

Yang ke tiga ucapan Kiyai Muhammad Arshad Talib  
Lubis sudah kami usahakan.

Bagi satu risalah itu kami tidak meminta  
bayaran harganya daripada anggota Ikhwan tetapi  
kami memintan tiap-tiap seorang menghantarkan setem  
10 sen untuk belanja mengirimnya – lainnya tidak.

Tujuannya ialah supaya tiap-tiap anggota  
Ikhwan mendapat faedah dan manfaatnya dengan tidak  
berbelanja – selain daripada setem.

Pintalah kepada:

**IKHWAN**

**356 & 358, Geylang Rd.,**

**Singapore-14.**